

**SOALAN NO :20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA :** YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG]  
**TARIKH :** 22 MAC 2017  
**SOALAN :**

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kesan dan respons rakyat terhadap kenaikan 50% caj rawatan di hospital Kerajaan dan sama ada Kementerian bercadang supaya ubat kemoterapi perlu ditanggung oleh pesakit sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Melalui telah mengemaskini Perintah Fi (Perubatan) 1982 dengan menaikkan kadar caj wad, rawatan dan siasatan bagi pesakit Kelas 1 sebanyak 50% dan menaikkan kadar caj wad Kelas 2 sebanyak 25%. Kadar caj bagi pesakit Kelas 3 yang merupakan 98% daripada jumlah keseluruhan kemasukan pesakit ke hospital, tidak berubah. Rawatan dan siasatan Kelas 1 merupakan perkhidmatan pilihan dan kepada mereka yang sudi dan mampu bayar. Oleh itu, kenaikan kadar caj tersebut tidak mendatangkan kesan yang ketara kepada rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah

Kemoterapi merupakan salah satu cabang rawatan kanser dan meliputi semua jenis cara administrasi termasuklah secara suntikan ataupun oral (dalam bentuk tablet). Buat masa ini semua rawatan kemoterapi dikenakan caj bayaran yang minima dan Kerajaan memberi subsidi yang tinggi untuk rawatan ini terutamanya bagi pesakit Kelas 3 dan pesakit luar.